SEMESTER II: SIDANG AKADEMIK 2020/2021

PPK 312: MASALAH PENDENGARAN

TUGASAN INDIVIDU:

SIMULASI PENGAJARAN DAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

DISEDIAKAN OLEH:

NUR ATHIRAH BINTI ABDULLAH SANI

145855

NAMA PENSYARAH:

PROFESOR MADYA DR AZNAN CHE AHMAD

TARIKH PENGHANTARAN:

10 JUN 2021

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Masa	: 9:00 am - 9:30 am	**Mata pelajaran**	: Bahasa Melayu
Tahun	: 2 Matahari	**Bilangan pelajar**	: 7 orang

Aras Murid : Rendah dan sederhana

Tajuk umum : 5.0 Aspek tatabahasa

Standard kandungan : 5.1 Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.

Objektif Am : 5.1.3 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata adjektif mengikut konteks

i. Sifat
ii. Warna
iii. Ukuran
iv. Bentuk
v. Waktu

Objektif khusus : Pada akhir pengajaran murid dapat

i. Memahami kata adjektif sifat, warna dan ukuran.
ii. Menyenaraikan kata adjektif sifat, warna dan ukuran.
iii. Memadankan kata adjektif dengan konteks yang betul.

Penerapan nilai : Kerjasama, mematuhi arahan, fokus dan prihatin

Pengetahuan sedia ada : Murid sudah memahami maksud kata adjektif.

Bahan bantu mengajar : Slaid PowerPoint, Wordwall, kertas A4, bahan maujud seperti pen, baju, sikat, beg, daun dan bunga.

Rujukan guru DSKP KSSR Bahasa Melayu Tahun 2

Langkah/ Masa	Akiviti guru	Aktiviti murid	Catatan/BBM
Set induksi (5 minit)	1. Guru menyoal pelajar tentang maksud kata adjektif berdasarkan pengetahuan sedia ada. 2. Guru meminta pelajar memberi contoh kata adjektif yang dikenal pasti di persekitaran kelas. 3. Guru memberi penerangan kepada pelajar tentang maksud kata adjektif dengan lebih tepat. 4. Guru menyenaraikan 9 jenis kata adjektif dan menyatakan hanya 3 sahaja kata adjektif yang akan dipelajari	1. Pelajar menyatakan definisi kata adjektif berdasarkan pengetahuan sedia ada. 2. Pelajar menyenaraikan tiga contoh kata adjektif iaitu botol tinggi, air panas dan tali panjang. 3. Pelajar memberi tumpuan terhadap penerangan guru dan cuba memahaminya dengan baik. 4. Pelajar membuat catatan ringkas tentang jenis-jenis kata adjektif	**BBM:** Slaid Powerpoint **CATATAN:** Guru menggunakan pendekatan kemahiran berfikir untuk mengukuhkan pengetahuan sedia ada bertujuan meningkatkan kefahaman pelajar tentang tajuk pembelajaran yang akan diajar kelak.
Langkah 1: Penerangan (10 minit)	**A. Kata adjektif sifat:** 1. Guru menyenaraikan kata adjektif sifat kepada murid-murid dan meminta pelajar untuk mengikut isyarat tangan yang ditunjukkan 2. Guru memaparkan gambar yang bersesuaian dengan kata adjektif sifat.	**A. Kata adjektif sifat.** 1. Pelajar memberi perhatian terhadap penerangan guru. 2. Pelajar ikut bersama-sama guru membuat isyarat tangan kata adjektif sifat. 3. Pelajar bersama-sama guru membina frasa ayat yang	**BBM**: Slaid Powerpoint dan gambar rajah 1. Kata adjektif sifat

	B. Kata adjektif warna 1. Guru menerangkan contoh kata adjektif warna kepada pelajar. 2. Guru menyesuaikan gambar rajah iaitu buah-buahan dengan kata adjektif warna. **C. Kata adjektif ukuran** 1. Guru menyenaraikan empat contoh kata adjektif ukuran di slaid Powerpoint. 2. Guru meminta pelajar bersama-sama membuat isyarat tangan kata adjektif ukuran	sesuai dengan senarai kata adjektif sifat. **B. Kata adjektif warna.** 1. Pelajar memberi perhatian kepada pengajaran guru. 2. Pelajar membuat catatan ringkas di buku nota. 3.Pelajar bersama-sama guru membuat isyarat tangan kata adjektif warna. **C. Kata adjektif ukuran** 1. Pelajar memberi tumpuan sepenuhnya pada senarai kata adjektif ukuran. 2. Pelajar mengikut guru membuat isyarat tangan kata adjektif ukuran. 3. Pelajar cuba memahami, mengenali dan mengingati kata adjektif ukuran yang diajar.	2. Kata adjektif warna  3. Kata adjektif ukuran

Langkah 2: Aktiviti (10 minit)	**Aktiviti 1: Kata adjektif sifat** 1. Guru menyediakan sebuah aktiviti menerusi laman Wordwall. 2. Guru memberi arahan iaitu pelajar perlu padankan gambar rajah yang sesuai dengan kata adjektif sifat.	**Aktiviti 1: Kata adjektif sifat** 1. Pelajar menumpukan perhatian kepada arahan guru. 2. Pelajar datang ke hadapan dan memilih gambar yang betul lalu dipadankan dengan kata adjektif yang sesuai. 3. Pelajar memberitahu jawapan yang betul di hadapan kelas menerusi isyarat tangan.	**BBM**: Wordwall  **CATATAN:** Aktiviti ini dapat meningkatkan keyakinan pelajar dan menggalakkan pelajar untuk berfikir.
	Aktiviti 2: Kata adjektif warna 1. Guru menyediakan bahan maujud seperti baju, sikat, bunga, kertas, beg, daun dan pen. 2. Guru menyediakan tanda nama bagi setiap kata adjektif warna. 3. Guru meminta pelajar memadankan kata adjektif warna dengan bahan maujud yang betul. 4. Guru memberi bintang kepada pelajar yang berjaya menjawab soalan.	**Aktiviti 2: Kata adjektif warna** 1. Pelajar fokus pada arahan guru. 2. Pelajar datang ke hadapan dan memilih bahan maujud yang ada. 3. Pelajar memilih kad kata adjektif warna dan padankan dengan bahan maujud yang betul.	**BBM**: Bahan maujud dan kad kata adjektif warna.

	Aktiviti 3: Kata adjektif ukuran. 1. Guru menyediakan aktiviti *Open the Box* di laman Wordwall. 2. Guru menyediakan tanda nama kata adjektif ukuran. 3. Guru meminta pelajar menampalkan jawapan yang betul dengan gambar rajah yang sesuai dari *Open the Box*	**Aktiviti 3: Kata adjektif ukuran.** 1. Pelajar cuba memahami arahan yang disampaikan oleh guru. 2. Pelajar memilih gambar di *Open the Box.* 3. Pelajar mencari tanda nama kata adjektif ukuran yang betul. 4. Pelajar menampalkan kata adjektif yang tepat bagi setiap gambar rajah.	**BBM:** Wordwall dan kad kata adjektif warna
Penutup: **(5 minit)**	1. Guru menyoal pelajar tentang rumusan pembelajaran pada hari ini. 2. Guru memberi peneguhan sosial dan fizikal. 3. Guru memberi latihan pengukuhan kepada pelajar sebagai kerja rumah. 4. Guru memaklumkan topik pembelajaran yang akan diajar pada keesokan hari.	1. Pelajar menjawab soalan guru dan menyatakan tiga jenis kata adjektif yang dipelajari. 2. Pelajar memberi contoh 3 kata adjektif yang terdapat pada guru. 3. Pelajar mengambil maklum terhadap latihan pengukuhan yang diberikan. 4. Pelajar membuat catatan ringkas tentang tajuk	**BBM**: Latihan pengukuhan.

		pembelajaran baru untuk persediaan awal.	 Latihan 1: Warnakan gambar mengikut kata adjektif warna yang diberikan. Kemudian, lengkapkan ayat. kuning jingga merah biru hijau 1. Warna **bas** yang dinaiki oleh Dina ialah _____. 2. Ronnie memakai **jaket keselamatan** berwarna _____ sebelum menaiki bot. 3. _____ warna pili bomba itu. 4. Sufrian memakai **pakaian renang** 游泳衣 berwarna _____. 5. Adik menggunakan **pelampung** berwarna _____. **CATATAN:** Latihan pengukuhan atau pengayaan ini membantu pelajar untuk meningkatkan lagi kemahiran berfikir dan untuk memastikan hasil pembelajaran adalah tercapai.

Refleksi:

- 5 daripada 7 orang pelajar dapat menguasai objektif pembelajaran dan diberi latihan pengayaan atau pengukuhan.
- 2 daripada 7 orang pelajar tidak dapat menguasai objektif pembelajaran dan diberi latihan pemulihan serta peningkatan mereka sentiasa diawasi oleh guru untuk proses penambahbaikan.

Berikut merupakan pautan Youtube bagi simulasi pengjaran Nur Athirah Binti Abdullah Sani (145855). Sekian terima kasih dan salam sejahtera.

https://youtu.be/RxfQt_95fy4